# WASIAT

# TUN DR. MAHATHIR

## PEMIKIR, PEMIMPIN DAN RAJA-RAJA MELAYU



**PROFESSOR SYED HUSSIEN ALATTAS**

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# WASIAT

# TUN DR. MAHATHIR

## PEMIKIR, PEMIMPIN DAN RAJA-RAJA MELAYU

Kenangan untuk
Negarawan Tun Dr Mahathir
[illegible]
15-12-2022
019 2230640

**PROFESSOR**
**SYED HUSSIEN ALATTAS**

YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA * PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION *

USE WPF
Professor on Civil Knowledge -
Political Prediction

PUSTAKA PERDANA

1013695

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

*Diterbitkan Oleh:*
**UNIVERSITY OF LIFE**
Janda Baik, Pahang.
sh.alattas@yahoo.com
alxsunilife@gmail.com
http://alattas-universityoflife.blogspot.com

CETAKAN
**OKTOBER 2022**

ISBN: **978-967-5865-26-8**

**Hak Cipta Dilindungi Oleh Allah SWT**

*Dicetak oleh:*
**AL-SUHAIMI**



320.9595

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

بسم الله الرحمن الرحيم

*In the name of Allah,*
*the Beneficent, the Merciful.*

# اقرأ

بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Read: In the name of thy Lord who created.

BACA, BACALAH DENGAN NAMA TUHAN
YANG MENJADIKAN KAMU



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

*Dengan Menyebut Nama Allah*
*Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*




***Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.***

(Ar-Rad: Ayat 11)

*Baca, Bacalah Dengan Nama Tuhan*
*Yang Menjadikan Kamu*



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Ya Tuhan Kami, berselawatlah
ke atas Nabi Muhammad SAW
dan ke atas keluarganya



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

**Hai orang-orang yang beriman!**
**Jadilah kamu penegak keadilan,**
**sebagai saksi bagi Allah,**
**walau terhadap diri kamu sendiri,**
**atau orang tuamu, atau kerabatmu,**
**baik ia kaya atau pun ia miskin.**
**Allah lebih mengetahui**
**kemaslahatan masing-masing.**
**Janganlah kamu mengikuti hawa nafsu,**
**supaya kamu jangan penyimpang**
**(dari Kebenaran).**
**Jika kamu memutar balik (Kebenaran),**
**atau menyimpang (dari Keadilan),**
**Allah maha mengetahui**
**segala yang kamu lakukan.**

*Al-Qur'an*
*surah an-Nisa' (IV), 135*



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

## Buku-buku hasil karya Pak Habib yang sudah di terbitkan

1. Firasat (Rahsia Mengenal Diri) (1969)
2. Melangkah & Berjaya (1969)
3. Rahsia Mimpi Anda (1969)
4. Temanku Pemimpin-Pemimpin (1972)
5. Kenapa Rosli Dhobi & Tiga Hero Sarawak Dihukum Bunuh (1974)
6. Perang Di Kuala Linggi (1978)
7. Sarawak Pada Siapa Hendak Diserahkan (1979)
8. Bahtera Lama Nakhoda Baru (1979)
9. Siapa Selepas Musa (1981)
10. Pemuda Di Zaman Mahathir (1982)
11. Tuah Nasib Pemimpin Malaysia (1983)
12. Perdana Menteri Yang Ke Lima (1984)
13. Hantu Bukit Cina (1985)
14. Musa Derhaka (1986)
15. **Musa A Traitor (1986)**
16. Siapa Lawan Siapa (Challenger) (1987)
17. Talqin Untuk UMNO (1988)
18. Politik Serpihan (1989)
19. Revolusi Istana Dan Rakyat (1989)
20. Wanita Takhta Dan Kuasa (1989)
21. Lima Raja Terakhir (1990)
22. Perang Di Parit Raja (1991)
23. Memo Kepada Perdana Menteri (1992)
24. Joker-Joker Politik (1992
25. Tuanku Mahathir Lawan Sultan Mahmud Iskandar (1993)
26. Ku Yah Lawan Mike Tyson (1993)
27. Pemimpin, Politik & Firasat (1994)
28. Melayu "The Overseas American" (1995)
29. Surat Khabar Lama (1995)
30. **The Five Hundred Million Dollarman (1997)**
31. Sunnah Nabi Muhammad S.A.W. vs Sunnah Mahathir Mohamad (1998)
32. Mahathir Konspirasi Anwar Reformasi (1998)
33. Sabah Kepada Siapa Hendak Diserahkan? (1999)
34. Firasat '*Rahsia Mengenal Diri Sendiri*' (Cetakan Semula)
35. Mahathir Di Ambang Senja (1999)
36. Wira, Juara Atau Penderhaka (1999)
37. Esok Untuk Siapa (2000)
38. **The Ugly Malays (2000)**
39. Diam-Diam Daim (2001)
40. Mahathir Mudah Lupa (2002)
41. Mereka Yang Hilang Akal (2002)
42. Kabinet April Fool Sabah (2003)



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

43. Mahathir Berhenti Pak Lah Ganti Siapa Mati? (2003)
**44. Nasi Lemak For The VIP (2004)**
45. Anak Omak VS Anak Bapak (2004)
46. Raja, Rakyat Dan Pemimpin Di Zaman Pak Lah (2004)
47. Macam-Macam Ada (Bahagian I) (2006)
48. Kalau Jodoh Tak Ke Mana (2006)
49. Macam-Macam Ada (Bahagian II) (2006)
50. Macam-Macam Ada (Bahagian III) (2007)
51. Firasat Rahsia Mengenal Diri (2007)
52. Khairy Jamaluddin Perdana Menteri? (2007)
53. Samy Vellu VS Khir Toyo (2008)
54. Gerhana Raja & Malaysia Today (2008)
55. Dunia Belum Kiamat (1) (2008)
56. Dunia Belum Kiamat (2) (2008)
57. Najib Tun Razak VS Kaki Kacau Malaysia (2009)
58. Malaysia Without Malays (2009)
59. Tuhan, Politik & Seks (2010)
60. Rahsia Menjadi Kaya & Berjaya (2010)
61. Konspirasi Pak Lah & Susilo (2011)
62. Memo Untuk Najib (2012)
63. Setan, Syaitan, Sultan (2012)
64. Anwar Ibrahim Perdana Menteri Siapa Mati? (2013)
65. Lagenda (2013)
66. Biografi, Musa Hitam Lawan SH Alattas (2014)
67. MH370 Hilang Kemana Najib Nak Menghilang (2014)
68. Lu Fikirlah Bro (2014)
69. 13 Dalil Kenapa Najib Wajib Letak Jawatan (2014)
70. The University of Life (2014)
71. Surah Yassin Untuk UMNO (2015)
72. Kelapa Tua Kelapa Muda (2015)
73. Dosa-Dosa Che Det (2015)
74. Muhyiddin Yassin Petualang (2015)
75. Tuah Nasib Pemimpin Malaysia (2016)
76. The Attasian Lagend (2016)
77. Fikir Zikir Fakir (2016)
78. Lagenda Edisi Kedua (2016)
79. Lagenda Pahang Darul Makmur (2016)
80. Penghujung Nasib Najib Razak (2017)
81. Kita Semua Pelakon (2019)
82. Siapa Kita (2020)
83. Dunia Melayu Dunia Islam (2021)
84. Lagenda Dari Perak, Bangsa Johor Dan... (2021)
85. Ku Li PM (2021)
86. Politik Katak (2021)
87. Banjir Bala Balak & Ganja (2022)
88. Wasiat Tun Dr. Mahathir, Pemikir, Pemimpin Dan Raja-Raja Melayu (2022)

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# ISI KANDUNGAN


1. Wasiat Tun Dr. Mahathir Mohamad 23
2. Wasiat ku 29
3. 7 Wasiat 33
4. Pendirian Parti Letakkan Kedudukan Parlimen Tergantung 45
5. Mukadimah 55
6. Projek Dawn Raid 67
7. 'PRU 15 Adalah Pilihan Raya Terakhir Saya' 81
8. Perjuangan Belum Selesai 93
9. Persepsi Anak Muda Terhadap Dr Mahathir 113
10. Calon Pejuang PRU15 119
11. Biografi Ringkas Tun Dr Mahathir Mohamad 121
12. 22 Hari 147
13. Raja Charles III Contohi 'Mama Tersayang' 153
14. Wasiat Syed Jamaluddin 157
15. Apa Kata Bekas Presiden MIC 167
16. Pelihara Kesucian Islam Kewajipan Kenegaraan 177
17. Angkara Derhaka Ingkar Sultan 191
18. Wasiat Haji Hadi 199
19. Titah Sultan Mahmood Iskandar 211
20. Dr M: Patut Kaji Semula Hukuman Mati 'Dr Ganja' 259
21. Thailand Luluskan Penggunaan Ganja Untuk Perubatan 261
22. Anak Muda Yang Berani 267
23. Profesor Pak Habib Bertanya: Siapa Kita? 279
24. Sejarah Seorang Pejuang 287
25. Selepas PRU 15 293
26. Cintakan Negara 317




PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

27. Rosmah Dipenjara 10 Tahun, Denda RM10 Juta 333
28. Surat Tunku Abdul Rahman Kepada Pak Habib 369
29. Wasiat Tunku Abdul Rahman 373
30. Dr Mahathir Kritik Khairy 383
31. Perjuangan Unik Yang Tidak Bernoktah 387
32. Najib Pembohong : Bahagian Pertama 403
33. Najib Pembohong : Bahagian Kedua 413
34. Korang Nak Tahu Siapa Perwaris Genting Highland? 429
35. Lim Goh Tong 439
36. Dunia Hampir Kiamat 459
37. M Kulasegaran 479
38. Tapak Cerpu Duli Yang Maha Mulia 483
39. Pahlawan Mat Kilau 503
40. Ratu Elizabeth Dan Malaysia 509
41. Wasiat Nabi Muhammad SAW 513
42. Eksklusif: Tun M Selamatkan Janda Baik Kami! 517



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



**Negarawan Tun Dr Mahathir Mohammed**

**"Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama dan jasa"**

**"Bangsa yang besar adalah bangsa yang tahu menghargai jasa-jasa pahlawannya"**

Bung Karno
Presiden Republik Indonesia

***A man who is good enough to shed his blood for his country is good enough to be given a square deal - afterwards. More then that no man is entitled to and less then that no man shall have.***

*Theodore Roosevelt*



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



***"During my lifetime I have dedicated myself to this struggle of the African people. I have fought against white domination and I have fought against black domination. I have cherished the ideal of a democratic and free society in which all persons live together in harmony and with equal opportunities. It is an ideal which I hope to live for and to achieve. But if needs be, it is an ideal for which I am prepared to die "*** (Nelson Mandela)

Nelson Mandela mempunyai keberanian yang luar biasa tak mengenal putus asa, mempunyai jiwa yang kental.



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



# PRU15: DR MAHATHIR CALON TERTUA, HADAPI SAINGAN LIMA PENJURU DI LANGKAWI

**ALOR SETAR**: Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) di Kedah menyaksikan penyertaan negarawan berusia 97 tahun, Tun Dr Mahathir Mohamad, untuk mempertahankan kerusi Parlimen Langkawi, yang menjadikan bekas perdana menteri itu sebagai calon tertua pada pilihan raya kali ini.

Pengerusi Penaja Gerakan Tanah Air (GTA) itu yang bertanding sebagai calon Pejuang di mana beliau juga adalah pengerusinya, akan ditentang



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

calon Barisan Nasional (BN) Datuk Armishah Siraj, Datuk Mohd Suhaimi Abdullah (Perikatan Nasional-PN), Zabidi Yahya (Pakatan Harapan-PH) dan calon Bebas, Datuk Abd Kadir Sainudin.

"Apa yang saya lihat saya ada peluang untuk menang," katanya ketika ditemui media pada hari penamaan calon PRU15 di Langkawi hari ini.
Pada PRU-14 lalu, bekas perdana menteri itu, memperoleh 18,954 undi menewaskan Datuk Nawawi Ahmad (BN, 10,061 undi) dan Zubir Ahmad (Pas, 5,512 undi).

Anaknya, yang merupakan Presiden Pejuang, Datuk Seri Mukhriz, pula berhadapan dengan saingan empat penjuru bagi mempertahankan kerusi Parlimen Jerlun apabila ditentang calon BN yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Othman Aziz, calon PN, Dr Abd Ghani Ahmad dan calon PH, Dr Mohamed Fadzil Mohd Ali.

Kerusi Parlimen Sungai Petani pula, Mohammed Taufiq Johari,26, menjadi taruhan PH untuk mengekalkan kerusi yang sebelum ini disandang bapanya, Datuk Johari Abdul selama tiga penggal dalam saingan lima penjuru.

Mohammed Taufiq akan ditentang Ketua UMNO Sungai Petani ,Datuk Shahanim Mohamad Yusoff, Timbalan Presiden Pejuang, Datuk Marzuki Yahya, calon PN, Dr Robert Ling Kui Ee dan Tan Chow Kang @ Tann Joon Long dari Parti Rakyat Malaysia (PRM).



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

Kerusi Parlimen Alor Setar mencatat jumlah calon teramai yang bertanding di Kedah melibatkan tujuh calon iaitu Afnan Hamimi Taib Azamudden (PN), Datuk Mohamad Nuhairi Rahmat (Pejuang), Datuk Fadzil Hanafi (Warisan), Tan Chee Hiong (BN), Simon Ooi Tze Min (PH) dan dua calon Bebas iaitu Datuk Nordin Yunus dan Sofan Feroza Md Yusup.

Sejumlah 68 calon daripada pelbagai gabungan dan parti politik serta calon Bebas akan bertanding di 15 kerusi Parlimen di Kedah di mana seramai 1,575,805 pengundi yang layak akan menentukan wakil rakyat pilihan mereka pada 19 Nov ini.

Sumber: https://www.astroawani.com/berita-politik/pru15-dr-mahathir-calon-tertua-hadapi-saingan-lima-penjuru-di-langkawi-389810



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# PERDANA MENTERI MALAYSIA

1


31/8/1957 - 22/9/1970

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

2


22/9/1970 - 14/1/1976

Tun Abdul Razak Hussein

3


15/1/1976 - 16/7/1981

Tun Hussein Onn

4


16/7/1981 - 30/10/2003

Tun Dr. Mahathir Mohamad

5


31/10/2003 - 3/4/2009

Tun Abdullah Ahmad Badawi

6


3/4/2009 - 9/5/2018

Datuk Seri Najib Tun Razak

7


10/5/2018 - 24/2/2020

Tun Dr. Mahathir Mohamad

8


1/3/2020-16/8/2021

Tan Sri Muhyiddin Yassin

9


**21/8/2021-Kini**

**Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob**

Sumber: kabinet.gov.my

Diterbitkan: 21 Ogos 2021
Infografik Bernama



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



Ada ke patut mereka panggil saya **Maha Firaun**? *Firaun* ini lebih teruk dari *diktator*. Ada ke saya sama macam ***Hitler***, macam ***Napoleon*** atau kebanyakan Presiden di Asia ini saja? Mereka **label** saya sebagai anti **ulama**. Kononnya saya menghina Rasulullah. Astarghfirullah, hang pa percayakah? Kononnya UMNO banyak kehilangan kerusi kerana saya tidak mahu letak jawatan. Bayangkan ada ke BN kalah, kerana saya memberi aib pada Anwar. Mana patut mereka sikit pun tidak salahkan Anwar, Anwar itu Nabi ke? Mereka langsung tak beri saya peluang untuk bercakap dan bercerita apa yang sebanrnya berlaku, bukan saja mereka tutup TV, mereka tak baca akhbar milik kerajaan BN tapi paling teruk mereka tutup pintu **ijtihad**, tutup **minda** dari menerima ***kebenaran***. Mereka boleh ***haramkan*** rakyat membaca apa saja yang kita siarkan, tapi baru kita mahu haramkan **Harakah** mereka kata kita tidak *demokrasi*, *zalim*. Siapakah yang menggunakan Islam untuk rosakkan imej Islam, PAS atau UMNO? Mereka kata UMNO tak **relevan**, apakah PAS **relevan**? Pilihan raya sudah berlalu, BN menang. Apakah kemenangan itu bukan rahmat dari Allah?

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



**TETAP ERAT...** Gambar ini membayangkan dengan jelas betapa tidak benarnya gambaran yang diberikan oleh media massa pro-BN kononnya Barisan Alternatif kini retak terutamanya antara PAS dengan DAP. Gambar memperlihatkan bagaimana eratnya Menteri Besar Terengganu, Tuan Guru Abdul Hadi Awang memeluk Pengerusi DAP, Lim Kit Siang yang datang membuat kunjungan hormat ke pejabat beliau baru-baru ini. Turut mengiringi Kit Siang ialah Naib Pengerusi, Dr Tan Seng Giaw dan Lim Guan Eng, Setiausaha Agung, Kerk Kim Hock, Bendahari, Fong Kui Lun dan Setiausaha Publisiti, Ronny Liu. Manakala Exco kerajaan negeri yang menyertai majlis itu ialah Haji Mustafa Ali, Ustaz Harun Taib, Haji Wan Muttalib Embong, Ustaz Abu Bakar Chik dan Tun Mohd Salleh Abas. Harakah 20 Disember 99

Harakah, 20hb. Disember 1999

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



***Dr. Mahathir** : You tahu Syed Ali, ulama kat Malaysia ini tak tahu I sudah kawan dengan orang Arab ini sejak kecik lagi.*

*Sepanjang saya tahu tiada pakaian Islam, pakaian tradisi Arab ada: Arab Maghribi pakaiannya berlainan dari pakaian Arab Badwi, Mesir, Libya dan Oman. Tutup aurat, saya setuju, tetapi mestikah kita pakai seluar khamees atau jubah? Kalau ikut fesyen tak apa, tetapi ini dah jadi - di kalangan minoriti - seolah pakaian kebangsaan pula!*

*Yang teruknya majoritinya tidak pun tahu bahasa Arab, sekadar hafal doa hadis dan baca al-Quran tapi pandai chong orang, Melayu kena tipu saja.*



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



**Dr. Mahathir** : *Ini ulama semua sudah lebih, mengaku diri pewaris Nabi. Anak cucu Nabi pun tak mengaku pewaris, sebab itu kita kena melihat Islam dari perspektif yang baru. Lepas itu baru orang Islam tahu siapa pewaris Nabi yang sebenarnya. Saya lihat di sini pun ada sesetengah Melayu lebih berperangai Arab daripada Arab hingga membingungkan orang Arab sendiri.*

*Apabila orang orientalis kata kebudayaan Melayu lemah, minda dan ketahanan Melayu tidak kuat dan kukuh kita marah, tetapi itulah sebenarnya yang ditunjukkan oleh sesetengah orang kita.*



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



"Dalam tahun 2020, UMNO mungkin tidak berkuasa lagi kerana ditolak oleh orang melayu sendiri... kerana bosan dengan politik wang yang diamalkan oleh UMNO. Dan dikalangan UMNO pulak, ahli-ahli UMNO, pemimpin-pemimpin UMNO... akan merebut kuasa... sehingga tidak ada lagi... apa nama... perjuangan untuk parti untuk bangsa.. tetapi perjuangan adalah untuk mendapat tempat bagi diri sendiri... Dengan itu pengundi akan rasa bosan dengan UMNO dan mereka akan tolak UMNO... Saya fikir 2020 is the maximum lah UMNO boleh pi... saya fikir belum sampai itu pun kita akan lihat UMNO kualiti nya merosot sokongan padanya juga merosot... apabila UMNO lemah maka campuran Barisan Nasional ini juga akan jadi lemah... sebabnya barisan nasional ini kuat skrg ini ialah kerana UMNO menjadi classmate yang kuat... tetapi apabila UMNO sudah lemah ditolak oleh orang melayu maka Barisan Nasional juga akan runtuh... malangnya yg akan mengganti bukanlah parti lawan yang kita tengok skrg ni... kerana yang lain jugak, parti lain jugak, parti melayu yang lain jugak tidak akan mendapat sokongan daripada orang melayu sendiri..."



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# Pasca PRU15
## Penulisan Dr. Mahathir

PRU 15

1. Pejuang Tanahair yang mengganti Gerakan Tanah Air (GTA) kalah dalam PRU 15.
2. Saya sebagai pengerusi Pejuang sedih. Tetapi saya terima pilihan rakyat.
3. Saya harap pihak yang menang akan mendiri Kerajaan Malaysia.
4. Oleh kerana Pejuang kalah semua 125 kawasan yang dipertandingkan, Pejuang tidak pun dapat menjadi pembangkang dalam dewan.
5. Segala perancangan Pejuang untuk negara terpaksalah digugur.
6. Yang boleh dilakukan oleh Pejuang ialah melihat arah pemerintahan pihak yang menang.
7. Pejuang berdoa siapa juga yang menjadi Kerajaan Malaysia akan dapat pulih segala masalah yang akan dihadapi oleh negara.
8. Saya sendiri akan tumpu kepada penulisan berkenaan dengan sejarah dan aktiviti dalam negara.
9. Sesungguhnya banyak peristiwa yang berlaku dalam negara belum pun direkod, termasuk apa yang berlaku di zaman British.
10. Saya juga terbuka untuk ditemuduga oleh penulis.

**DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**
23 November 2022



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# WASIAT TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

**Sejarah dipelajari bukan semata-mata untuk tahu tentang negara tetapi sebagai pengajaran kepada kita tentang apa yang telah dilakukan oleh kita dahulu dan sekarang. Jika kita tidak tahu sejarah, kita tidak tahu dari mana kita datang dan tidak tahu ke mana kita akan pergi. Mungkin kita rasa mara ke depan tetapi sebaliknya mundur ke belakang.... Jika semua bersikap patriotik, bersatu padu dan berusaha kuasai ilmu, negara akan kekal bebas dan merdeka serta berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan semua bangsa di dunia ini selama-lamanya.**

**Dr. Mahathir Mohamad**
**24 Ogos 2002**

Kita lihat daripada sejarah yang menunjukkan bagaimana lemahnya orang Melayu apabila mereka menganggap diri mereka sebagai rakyat negeri berasingan. Agama Islam yang syumul dan satu, berbeza di amalkan di antara satu negeri dengan yang lain. Ikut kehendak ketua agama di negeri tersebut yang wajib di patuhi oleh rakyat yang takut menderhaka pada raja yang di sembah oleh mereka. Apakah



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

mereka lemah kerana mereka tidak mempunyai orang yang terpelajar, profesional, ahli perniagaan yang kaya, pekerja mahir dan cekap, penglibatan dalam berbagai bidang usaha yang penting dan kelemahan lain. Tetapi apabila mereka membahagi-bahagikan diri mereka kepada rakyat negeri masing-masing dan bertindak secara berasingan, mereka menjadi lebih lemah.

**Dr. Mahathir Mohamad**
Ucapan di Johor Bahru
Pada 11 Mei 1989



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



"Rakyat Malaysia perlu lebih banyak menulis pengalaman hidup dan perkembangan dalam negara bagi mengelak pergantungan kepada penulis asing mengenai sejarah negara. Generasi kini leka dengan teknologi canggih dan kehidupan mewah lalu terlupa dengan sejarah negara yang dianggap cerita lama yang membosankan.

Cerita lama atau sejarah itu boleh memberi pengajaran supaya generasi kini tidak mengulangi kesilapan generasi terdahulu. Mereka yang lupa sejarah dan pengalaman lalu akan mengulangi kesilapan yang sama berkali-kali namun jika tahu sejarah, mereka akan mengelak daripada melakukan kesilapan itu. Rakyat tidak pernah mengkaji kenapa British berjaya menjajah dan memerintah negara ini tanpa sebarang pertumpahan darah tetapi hanya melalui persetujuan Sultan.

"British menawarkan pencen kepada Sultan iaitu mendapat duit tanpa berkerja. Kini, tabiat itu sudah menyerap ke dalam budaya Melayu yang mahu kaya tanpa bekerja. Mereka menjadi *sleeping partner* dalam syarikat.

*"Apabila saya jadi Perdana Menteri, saya cuba ubah budava orang Melayu. Kita tidak boleh menerima duit tanpa melakukan sebarang kerja. Kita akan hilang kuasa. Kalau mahu wang, kita kena bekerja."*

Tun Dr. Mahathir Mohamad



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



***Sejarah telah membuktikan bahawa perpecahan orang Melayu telah membawa kepada kelemahan seperti kejatuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang satu ketika dulu merupakan sebuah empayar yang amat berkuasa di Nusantara.***

***Kemerdekaan negara pula bukan diperolehi secara mudah tetapi berdasarkan kebijaksanaan pemimpin UMNO terdahulu dengan sokongan orang-orang Melayu yang bersatu padu.***

***Mereka perlu mengukuhkan diri dalam semua bidang sama ada agama, politik, ekonomi, pendidikan mahupun sosial, kesemua ini memerlukan perhatian dan tumpuan serius tanpa usaha yang gigih, orang Melayu akan terus tertinggal.***

-Datuk Seri Mohd Ali Rustam
1 Julai, 2001



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



Dr. Mahathir: *Islam bukan sekadar sembahyang lima waktu berpuasa di bulan ramadhan serta naik haji saja. Kita perlu menjaga hubungan dengan Allah S.W-T disamping tanggungjawab terhadap rakyat. Khalifah mempunyai pengertian yang luas. Sebab itu saya cuba jadikan diri saya sebagai pemimpin bertaraf universal. Ceramah sana ceramah sini, ceramah... ceramah.... Dah pilihanraya pun hari-hari nak ceramah lagi. Ini kerja yang melekakan, merugikan, membazir waktu. Bukankah lebih baik kita bangunkan ekonomi negara. Kemiskinan membawa kepada kekufuran. Masakan saya pakai baju Melayu bersongkok salah. Tok Guru pun pakai baju Melayu berserban, bermisai dan berjanggut. Apakah tok guru lebih Islam dari saya? Tuhan tengok hati. Tuhan suruh ulama membantu umara . Tok Guru mahu kedua-duanya sekali. Ulama dan umara dalam satu waktu. Kalau saya Firaun siapa pula Nabi Musa? Kerana bila ada Habil ada Khabil, ada Namrud ada Ibrahim, ada Muhammad ada Abu Jahal, ada Ali ada Muawiyah. Tok guru siapa dia?*



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



Ingat senang ke nak jadi Perdana Menteri, hendak jaga 22 juta rakyat dari berbilang bangsa, kaum, adat dan agama. Itu tak masuk gangguan dan desakan dari kuasa-kuasa besar yang menggunakan orang dalam supaya menimbulkan kacau bilau dalam negara. Bukan susah sangat hendak letak jawatan tapi senang ke hendak cari ganti supaya apa yang telah terbina dapat diteruskan?

**(Dari buku Esok Untuk Siapa?, 2000)**



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

# WASIAT KU

Saat Nabi Ibrahim as dibakar oleh raja Namrud dan kaumnya, ada seekor burung pipit yang menyaksikan peristiwa tersebut. Ia kemudian terbang bolak-balik mencari air. Burung pipit itu mengisi air di dalam paruhnya kemudian dilepasnya ke atas unggun api yang membakar Nabi Ibrahim. Itulah yang dilakukan berulang kali hingga Nabi Ibrahim as diselamatkan oleh-Nya.

Perbuatan burung pipit itu diperhatikan oleh makhluk Allah yang lain, lantas tanyalah mereka kepada burung kecil itu, "Mengapa kamu bersusah-payah bolak-balik mengambil air, sedangkan kau tahu api besar yang membakar Nabi Ibrahim takkan hilang dengan sedikit yang kamu siramkan itu?" Lalu dijawab oleh burung kecil, "Walaupun aku tahu aku tidak akan mampu memadamkan api tersebut, aku mesti berusaha untuk menegakkan kebenaran dengan segenap kemampuan kumiliki. Allah tidak akan bertanya kepadaku apakah aku berhasil memadamkan api itu atau tidak. Tapi aku lebih takut Allah akan menanyakan apa yang aku lakukan saat melihat kezaliman di depan mataku!"

Semoga WasiatKu ini menjadi jihad kecil yang diterima di sisi Allah.

**-Pak Habib-**



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



## FROFESSOR S.H. ALATTAS

# WASIAT TUN DR. MAHATHIR

### PEMIKIR, PEMIMPIN DAN RAJA-RAJA MELAYU

SEJARAH dipelajari bukan semata-mata untuk tahu tentang negara tetapi sebagai pengajaran kepada kita tentang apa yang telah dilakukan oleh kita dahulu dan sekarang. Jika kita tidak tahu sejarah, kita tidak tahu dari mana kita datang dan tidak tahu ke mana kita akan pergi. Mungkin kita rasa mara ke depan tetapi sebaliknya mundur ke belakang....

Jika semua bersikap patriotik, bersatu padu dan berusaha kuasai ilmu, negara akan kekal bebas dan merdeka serta berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan semua bangsa di dunia ini selamalamanya.

*-Dr. Mahathir Mohamad*
*24 Ogos 2002*

ISBN 978-967-5865-26-8

9 789675 865268

University Of Life

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA